

26/10/2003

Usah takut ugutan Yahudi: PM

Misiah Taib; Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak akan tunduk kepada sebarang ugutan termasuk cubaan kumpulan pendesak Yahudi memboikot pelabur dan pelancong datang ke

Malaysia, berikutan kenyataan yang dibuat membabitkan kaum itu, kata Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tidak ada mana-mana pihak boleh menghalang pemimpin negara ini daripada menyuarakan apa yang benar termasuk kenyataan

beliau bahawa Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi.

Beliau berkata, kaum Yahudi berasakan diri mereka sungguh besar sehingga orang harus takut mengkritik kaum itu dan seolah-olah mereka tidak boleh dikritik langsung.

"Mereka boleh tuduh Islam pengganas dan menggelar Islam sebagai pengganas, malah Nabi Muhammad juga dikatakan pengganas. Pihak Eropah tidak memprotes mereka yang membuat kenyataan sedemikian.

"Tapi apabila saya katakan perkara yang benar, bahawa Yahudi memerintah

dunia menggunakan proksi (ketika sidang kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam - OIC) dan kalau kita kata apa saja mengenai Yahudi, mereka akan tuduh kita anti-semitik dan mereka akan cuba halang pelabur datang ke negara ini.

"Kalau inilah jenis permainan dan tekanan yang mereka buat, saya tidak nampak orang harus marah kerana apa yang saya kata adalah satu kebenaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sekembalinya dari lawatan rasmi ke Papua New Guinea di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dekat sini, malam tadi.

Beliau mengulas tindakan kumpulan pendesak Yahudi di Amerika Syarikat, Pusat Simon Wiesenthal yang menggesa pelabur dan pelancong tidak ke Malaysia sehingga pemimpin yang menggantikan Dr Mahathir tidak menunjukkan sikap anti-semitik.

Dalam ucapannya pada sidang kemuncak ke-10 OIC di Putrajaya baru-baru ini, Dr Mahathir antara lain berkata: "Yahudi memerintah dunia dengan menggunakan proksi. Mereka menggunakan orang lain untuk berperang dan mengorbankan nyawa bagi pihak mereka."

Kenyataannya itu, yang diberikan tumpuan oleh media Barat, menerima kritikan dari Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Australia, manakala Jerman memanggil diplomat Malaysia di Berlin untuk mendapatkan penjelasan.

"Kita tidak patut membiarkan diri kita diperas ugut oleh mereka (Yahudi). Kalau anda tidak kata yang baik, mereka tidak akan melabur di negara kita. Itu satu ugutan," katanya.

Beliau juga yakin pelabur dan ahli perniagaan lebih bijak memikirkan apa

yang baik untuk mereka.

Diminta mengulas mengenai tindakan Presiden Amerika Syarikat, George W Bush yang mengisytiharkan Australia sebagai sherif negara itu dan mempunyai tanggungjawab khas bagi mempertahankan keselamatan di rantau Asean, Dr Mahathir berkata:

"Itulah dia... `budak baik' (good boy), dia ketuk kepala, `budak baik' buat kerja dia (AS). Tapi kalau cuba jadi sherif dan cuba jadi sherif di sini (Asean), kita akan layan orang semacam ini sebagai pengganas.

"Kita akan tangkap dan masukkan dalam tahanan kalau dia cuba masuk ke Malaysia," katanya.

Beliau berkata, Asean tidak perlukan kehadiran Australia untuk menjamin keamanan di rantau ini.

"Mereka tidak ada peranan untuk memastikan keamanan di sini. Walaupun mereka anggota pakatan pertahanan lima negara, kita tidak mengharapkan mereka membantu kita," katanya.